

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KETUA CAWANG KEJURUTERAAN PANGKALAN UDARA KUCHING

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4345-perbarisan-serah-terima-tugas-ketua-cawang-kejuruteraan-pangkalan-udara-kuching

KUCHING, 9 Jan 19 - Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawang Kejuruteraan telah diadakan di Cawang Kejuruteraan, Pangkalan Udara Kuching. Perbarisan yang terdiri daripada 5 pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat Cawang Kejuruteraan ini telah diketuai Mej Jaffar bin Mohamed Taib TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan ialah PW U II Lipin Ak Man.



Majlis Serah Terima Tugas Ketua Cawang Kejuruteraan di antara Lt Kol Mohd Hamid Allhalimi Bin Lazan TUDM kepada Lt Kol Mohd Fazali bin Udin TUDM telah disaksikan oleh Komander Pangkalan, Kol Masro bin Kaliwon TUDM, pegawai-pegawai serta anggota lain-lain pangkat Cawang Kejuruteraan Pangkalan Udara Kuching.

